

Pelarian: Ghazali digesa pengaruhi Menteri Luar Asean

KUALA LUMPUR, Selasa — Pergerakan Pemuda Umno Malaysia mengesa Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie supaya mempengaruhi Menteri-Menteri Luar Asean mendesak negara-negara ketiga m e n i n g k a t k a n pengambilan pelarian Vietnam dari rantau ini, khususnya Malaysia, dalam sidang mereka di Jakarta, November ini.

Pengerusi Biro Kebajikan Am pergerakan itu, Haji Dusuki Haji Ahmad ketika membuat gesaan itu menegaskan, sebarang keputusan sepakat mengenai perkara itu harus dikemukakan kepada

Presiden Ronald Reagan di Amerika sebagai pendirian Asean dalam soal itu bila beliau melawat Jakarta nanti.

"Keputusan itu haruslah membayangkan pendirian Asean dalam menghadapi isu itu dan Reagan ialah salah seorang ketua negara ketiga yang harus dikemukakan gagasan Asean itu," tegasnya kepada *Berita Harian* dalam satu pertemuannya di pejabatnya hari ini

Melawat

Katanya, semoga melalui gagasan itu dapat menyedarkan beliau dan negara-negara ketiga yang beban orang-orang pelarian itu harus ditanggung oleh mereka

dan bukannya kita.

Presiden Amerika itu dilaporkan akan melawat Jakarta November ini dalam siri lawatannya ke rantau ini. Dan Menteri-Menteri Luar Asean merancang untuk berunding dengan beliau di sana.

Kata Haji Dusuki, melalui gagasan itu juga beberapa cadangan yang tegas harus dikemukakan oleh Asean kepada negara-negara ketiga, khususnya Amerika Syarikat sendiri dalam usaha meningkatkan pengambilan pelarian Vietnam dari rantau ini.

Beliau menambah, pihaknya akan menghantar surat rasmi kepada Tan Sri Ghazali Shafie tidak lama lagi berhubung dengan gesaan dan pendirian Pemuda UMNO berhubung isu itu.

Haji Dusuki berkata, Pergerakan Pemuda Umno memandangkan berat soal bertambahnya penghijrahan pendatang-pendatang haram ke negara ini, khasnya dan rantau ini amnya kerana telah menimbulkan berbagai kesulitan di kalangan rakyat negara ini.

Kesulitan

Pengarah Pasukan Pelbagai Tugas Khas, Mej Jen Datuk Abdullah Samsudin baru-baru ini mengemukakan bilangan pendatang haram yang mendarat di pantai negara ini meningkat kepada 11,463 orang dan bilangan mereka dipindahkan ke negara ketiga semakin berkurangan setiap bulan.

Sementara seorang jurucakap Kedutaan Amerika di sini baru-baru ini dilaporkan memberi alasan kelewatan teknik seperti proses temuduga dan kerja-kerja perkeraan menyebabkan perpindahan pendatang haram dari negara ini tidak berjalan lancar.

Dalam hubungan itu, Haji Dusuki berharap Tan Sri Ghazali dapat mempengaruhi para Menteri Luar Asean agar menolak alasan itu dan mendesak negara-negara ketiga mempercepat pengambilan pelarian Vietnam walau apa cara sekali pun dari negara ini.

"Kita berharap persidangan di Jakarta itu akan membuahkan hasil yang diharapkan serta isu pendatang haram ini dapat diselesaikan segera, tambahan lagi dengan kunjungan Reagan ke situ," kata beliau lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia